



# **MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PELAN STRATEGIK ICT RISDA**

OLEH:  
YG. BHG. DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN  
KETUA PENGARAH RISDA

TEMPAT: RISTEC, PORT DICKSON

TARIKH: 4 APRIL 2008  
MASA : 8.45 MALAM

- Yang Berusaha Pengerusi Majlis
- Yang Berbahagia Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
- Yang Dihormati En.Mohd. Nasry bin Awang  
CEO HAPM Synergy Sdn. Bhd.
- En. Rahim bin Abu Samah  
Perunding Utama HAPM Synergy Sdn. Bhd.
- En. Mohd. Ghazali bin Zulkurnani  
Perunding HAPM Synergy Sdn. Bhd.
- Tn. Hj. Jamaluddin bin Abdullah  
Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat

- Pn. Hjh.Wan Esah bt Ton Harun  
Pengarah Bahagian Latihan
- Pengarah-Pengarah Bahagian,
- Serta Pengarah RISDA Negeri Sembilan

3

**Assalamualaikum w.b.t ,**

### **1. Penghargaan**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita berkumpul pada malam ini bagi Majlis Perasmian Bengkel Pelan Strategik ICT RISDA. Syabas dan tahniah kepada Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Pengarah Bahagian Latihan kerana telah berjaya mengaturkan Bengkel seumpama ini yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pengurusan RISDA tentang keperluan mewujudkan

4

satu Pelan Strategik ICT di RISDA agar selaras dengan Perancangan Strategik Pembangunan Pekebun kecil. Semoga Bengkel ini dapat dijadikan sebagai platform kepada Tuan-Tuan dan Puan-puan untuk sama-sama merancang dan merangkakan Pelan ICT RISDA ini dengan lebih baik dan efisien. Saya juga mengalu-alukan kehadiran En. Mohd. Nasry bin Awang serta perunding-perunding daripada HAPM Sdn. Bhd yang akan memainkan peranan sebagai fasilitator Bengkel ini.

5

## **2. Pelaksanaan Bengkel**

Bengkel ini akan diadakan dalam 2 kumpulan iaitu Kumpulan Pengurusan pada hari ini dan esok dan kumpulan Jawatankuasa Kerja pada 5 dan 6 April. Kumpulan Pengurusan akan merangkakan keperluan dasar-dasar sementara Kumpulan Jawatankuasa Kerja akan merangkakan keperluan-keperluan secara detail. Saya harap semua akan memberikan komitmen dan sumbangan input dan usul yang konkrit untuk perancangan Pelan ini.

6

### **3. Latarbelakang**

Penyediaan Pelan Strategik ICT ini adalah satu keperluan oleh pihak MAMPU. Ianya merupakan perancangan ICT 5 tahun selaras dengan Pelan Perancangan Strategik sesebuah Agensi. Dalam konteks RISDA, ianya adalah untuk menyokong Model Business Strategik RISDA atau MBSR. Kita telah ada Pelan ICT sejak tahun 2002 tetapi kita tidak mengemukakannya kepada pihak MAMPU dan Pelan kita juga tidak begitu mantap dan tidak menyeluruh. Pada masa itu, RISDA tidak melantik konsultan untuk penyediaan Pelan ini. Pelan Strategik ICT perlu disediakan oleh satu pihak neutral, itulah sebabnya dalam

7

penyediaan Pelan Strategik ICT RISDA ini, kita melantik HAPM Synergy Sdn. Bhd. Sebagai konsultan kita. Sebelum Bengkel ini, pihak HAPM telah pun menemuduga Pengarah-pengarah Bahagian dan findings interview ini akan di bentang dalam Bengkel ini untuk di buat penyelarasan dan di bincang secara mendalam dan dapat satu rumusan. Rumusan Bengkel akan menjadi input kepada pihak perunding untuk membentuk Pelan Strategik ICT RISDA yang perlu di hantar kepada pihak MAMPU untuk kelulusan.

8

#### **4. Willingness to accept change**

Selaras dengan zaman ICT masakini, RISDA juga perlu membuat sedikit perubahan sesuai dengan peredaran masa kini yang lebih global. Kita perlu sifat mahu terima perubahan. Kita perlu ubah sikap kita, kita perlu menukar minda kita. Kita masih perlu belajar lagi. Kita tidak boleh hanya hidup dengan pengetahuan yang kita warisi dari zaman kita mula bekerja 20 tahun dahulu. Buat kerja seperti lama tapi dengan cara baru, teknologi baru. Kita mesti bijak, memanfaatkan bioteknologi, kemudahan ICT dan lain-lain. Tapi semua ini memerlukan satu

9

perubahan sikap yang ingin merubah sesuatu yang lebih baik. Cara baru yang lebih baik untuk hasil yang lebih tinggi.

Bila zaman berubah, kita pun mesti turut berubah. Hari ini ICT telah menguasai kehidupan kita. Oleh itu, tiba masanya kita perlu menguasai teknologi ICT. Tanpa pengetahuan ICT, kita akan terperangkap dan akan jauh ketinggalan. Kepada saya, ini adalah masalah mind set. Kita harus menukar mind set itu. Ini banyak bergantung kepada kesungguhan diri. Mesti ada perasaan mahu berjaya. Kita minta pekebun kecil celik komputer, kita sahut slogan 'Satu keluarga satu komputer' tetapi pada hakikatnya kita sendiri belum celik komputer.

Oleh itu, penggubalan Pelan Strategik ICT RISDA ini perlu di lihat satu alat atau garis panduan untuk kita rujuk untuk terus melangkah ke dunia ICT RISDA.

#### 5. **Integrasi ICT dengan Agensi Lain**

Untuk maju dan berjaya, kita perlu sentiasa bermuafakat dan pastikan hubungan serta komunikasi dengan pihak-pihak yang terlibat dengan industri getah. Pada tahun lepas, kita telah melawat **MACRES** atau **Malaysian Centre for Remote Sensing**. Kita sudah mula meneroka penggunaan satelit untuk membantu kita mengenalpasti kawasan –kawasan getah tua.

11

Sebagai permulaan kita telah mengenalpasti 2 orang pegawai gred 41 untuk ditempatkan di MACRES untuk mempelajari dan mengaplikasikan penggunaan **GIS dan remote sensing** di RISDA. Kita akan bangunkan sistem e-kebun dengan kerjasama MACRES bagi membolehkan maklumat dan gambaran kebun di pantau secara berkomputer.

Pada 27 Mac lepas, kita telah melawat **Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar(NRE)** untuk **taklimat e-tanah** yang boleh di capai menerusi internet. Sistem ini membolehkan kita mendapatkan maklumat pemilik tanah, kongsi, syarat khas dan juga sejarah tanah.

12

## **6. Sistem- Sistem aplikasi yang sedia ada di RISDA**

Setakat kita sudah ada lebih kurang 20 sistem aplikasi dalam RISDA seperti SMPK, SMB dan banyak lagi yang bersifat 'functional' iaitu khusus untuk Bahagian- Bahagian seperti SISPEN, sistem bajet, SisTS, e-jawatan dan lain-lain lagi.

## **7. My expectations**

13

## **8. Penutup**

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada HAPM Synergy Sdn. Bhd. Di atas bantuan untuk penyediaan Pelan Strategik ICT RISDA, Tn. Hj. Jamaludin di atas inisiatif untuk mengadakan Bengkel ini serta juga semua pengarah-pengarah yang hadir Bengkel ini selama 2 hari. Semoga hasil sumbangan idea Tuan-tuan dan Puan-puan serta keputusannya dapat kita menghasilkan satu Pelan ICT yang konkrit.

***'No one plans to fail, but many fail to plan.'***

***A Plan is a dream with a deadline'***

14

Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya merasmikan **Bengkel Pelan Strategik ICT RISDA.**

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah , Wassalamualaikum w.b.t**